

RINGKASAN KEPUTUSAN RAYUAN

NO. RAYUAN TRK (P) 2-2010

FAKTA KES

1. Perayu adalah sebuah syarikat sendirian berhad dan adalah anak syarikat di bawah Kumpulan TA. Perniagaan utama Perayu ialah menjalankan penyewaan ruang perniagaan di samping perniagaan parkir kereta kepada penyewa-penyewa bangunan, pelawat-pelawat dan kakitangan pengurusan Kumpulan TA. Bagi perkhidmatan parkir, Perayu dilesenkan di bawah Akta Cukai Perkhidmatan 1975. Dalam menjalankan perniagaan parkir tersebut, Perayu telah membayar cukai perkhidmatan di atas perkhidmatan bagi semua pelanggan-pelanggannya melainkan bagi parkir yang disediakan untuk kakitangan pengurusan Kumpulan TA.
2. Melalui pemeriksaan akaun yang dijalankan, Jabatan Kastam berpendapat Perayu telah mengenakan bayaran parkir ke atas semua perkhidmatan parkir yang disediakan tetapi telah tidak membayar cukai perkhidmatan ke atas perkhidmatan parkir yang diberi kepada kakitangan pengurusan Kumpulan TA. Dengan itu, satu Bil Tuntutan telah dikeluarkan kepada Perayu untuk menuntut cukai perkhidmatan sebanyak RM37,266.99 dan penalti sebanyak RM17,957.68. Perayu tidak berpuas hati dengan keputusan ini dan telah memfailkan Notis Rayuan di Tribunal Rayuan Kastam pada 12 Julai 2010.

ISU

Alasan rayuan adalah bahawa:

1. perkhidmatan parkir yang disediakan kepada kakitangan pengurusan Kumpulan TA diberi secara percuma oleh itu perkhidmatan tersebut tidak termasuk di dalam kategori perkhidmatan bercukai; dan
2. perkhidmatan parkir yang disediakan kepada kakitangan pengurusan Kumpulan TA sebenarnya adalah sejenis perkhidmatan pengurusan. Memandangkan perkhidmatan parkir ini juga diberi kepada syarikat-syarikat lain di dalam kumpulan yang sama, ianya tidak termasuk di dalam kategori perkhidmatan bercukai.

KEPUTUSAN

Tribunal membuat keputusan membenarkan rayuan dan ketepikan keputusan Ketua Pengarah Kastam. Cukai perkhidmatan dan penalti yang telah dibayar dipulang balik kepada Perayu.

13 Oktober 2010